

MAHATHIR - LAWAT

(1)

1984

KUALA LUMPUR, 18 OGOS (BERNAMA) - - PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR HOHAMAD BERKATA HARI INI PENYERTAANNYA DI SIDANG CHOGRM DI PORT MORSEBY DAN LAWATANNYA KE AUSTRALIA DAN NEW ZEALAND TELAH DAPAT HENGUKUHHAN LAGI HUBUNGAN ANTARA MALAYSIA DENGAN NEGARA-NEGARA RANTAU BERKENAAN.

PERDANA MENTERI, BERCAKAP KEPADA PARAPEMBERITA SETIBANYA PULANG DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR, MENSIFATKAN LAWATAN ITU KHUSUSNYA KE AUSTRALIA DAN NEW ZEALAND TELAH DAPAT MENGUKUHKAN HUBUNGAN DI BIDANG PERDAGANGAN, PELABURAN, PENDIDIKAN DAN HAL EHWAL ANTARABANGSA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH TELAH DISAMBUT SEMASA TIBA OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK MUSA HITAM DAN DATIN MARIA MUSA SERTA MENTERI-MENTERI KABINET.

BELIAU BERKATA ADALAH MUSTAHAK DIPERHATIKAN BAHAWA AUSTRALIA DAN NEW ZEALAND MENGAKUI TENTANG PERLUNYA DIAMBIL LANGKAH-LANGKAH MEMBETULKAN IMBANGAN DAGANGAN ANTARA MALAYSIA DENGAN KEDUA-DUA NEGARA ITU YANG LEBIH MENGUNTUNGGAN MEREKA.

SALAH SATU LANGKAH YANG DIPERTIMBANGKAN IALAH MENERUSI PERDAGANGAN TUKARAN, TAMBAH DATUK SERI DR. MAHATHIR. -LAGI.

MAHATHIR - LAWAT 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, MUNGKIN MALAYSIA BOLEH MEMBELI ARANG BATU DARI AUSTRALIA SEBAGAI TUKARAN MEMBELI MINYAK.

MENGULAS LANGKAH-LANGKAH MENGURANGKAN PERDAGANGAN TIDAK KETARA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA 'PERBINCANGAN ITU TELAH MENINJAU KEMUNGKINAN PENGANGKUTAN BARANGAN TERTENTU DENGAN KAPAL MEREKA DAN YANG LAINNYA PULA DENGAN KAPAL MALAYSIA ATAU KAPAL YANG DISEWA OLEH MALAYSIA.

MENGENAI LAPORAN TENTANG TUNJUK PERASAAN OLEH PELAJAR, BELIAU BERKATA HANYA SEKUMPUL KECIL PELAJAR BUKAN DARI MALAYSIA YANG TERLIBAT. MEREKA MEMPUYAI RUPA KETURUNAN INDO-EROPAH BILA MEMBUKA TOPENG MEREKA.

TETAPI SEBILANGAN BESAR PELAJAR TELAH MENUNJUK PERASAAN MENYATAKAN CINTA MEREKA TERHADAP NEGARA DENGAN MENYOKONG BELIAU DAN MENGHADIRKAN DIRI DI BEBERAPA LAPANGAN TERBANG SEMASA LAWATAN ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA SEMASA PENERBANGAN PULANG BELIAU TELAH SINGGAH DI LAPANGAN TERBANG DARWIN DIMANA BELIAU TELAH MENERIMA DARIPADA MENTERI NORTHERN TERRITORY HADIAH KERBAU.

KATANYA, UPACARA ITU SENGAJADI ADAKAN OLEH KERANA 23 EKOR KERBAU TELAH PUN DIKIRIMKAN KE SINI.

KERBAU-KERBAU ITU AKAN DIGUNAKAN BAGI TUJUAN KACUKAN. -- BERNAMA.